

ULASAN/REVIEWS

BANGSAWAN BAKAWALI OLEH MAK MINAH.

Dewan Budaya,
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
5-7 November 2001

“Mengapa tidak disambungkan dua tiga malam lagi”

“Tak puas, malam esok mesti tonton lagi”

“Saya nak ajak member-member lain menonton malam esok”

Adalah antara suara-suara penonton yang telah menonton bangsawan *Bakawali*. Tidak termasuk penonton yang pulang hampa kerana dewan telah padat tiga malam berturut-turut.

Bakawali merupakan teater bangsawan yang pertama yang pernah dipentaskan oleh Pusat Pengajian Seni USM sejak penubuhannya pada tahun 1998. Keberanian PPS mementaskan teater ini amat dialu-alukan sekurang-kurangnya meragamkan genre teater yang ada di Malaysia di samping mendedahkan kepada generasi baru tentang format dan gaya teater itu.

Mementaskan teater bangsawan bukanlah mudah. Pertama, pelakon utamanya haruslah serba boleh. Kedua, komposisi struktur persembahannya menuntut adunan ragaman kraf seperti lakonan, nyanyian, muzik, tari dan bahasa puitis. Ketiga lakonan yang stailaiz dan berlampauan. Keempat, kelancaran berimprovisasi. Kelima, kos untuk merealisasikan sesebuah pementasan teater ini bukanlah murah. Keenam, penyediaan set, hiasanlatar dan teknik tasmat. Demi memertabatkan seni teater yang hampir pupus ini, walaupun berdepanan dengan berbagai kekangan, Pusat Pengajian Seni dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, mengambil inisiatif mementaskan *Bakawali* hasil nukilan Mak Minah.

Namun kesungguhan dan minat yang tinggi yang dipamerkan oleh para siswa dan siswi ini, warna dan aroma ciri-ciri bangsawan masih kekal dan menyerlah. Penonton yang sesak di Dewan Budaya pada malam-malam persembahan tidak berganjak walaupun tiga jam persembahan, merasakan apa yang ditonton mereka itu adalah bangsawan.

Jika dibandingkan persembahan *Bakawali* oleh kumpulan-kumpulan bangsawan tahun-tahun 1920-an dan 1930-an dengan kumpulan dari Pusat Pengajian Seni, memang berbeza. Perama, para pelakonna, pemuziknya, penarinya serta

krewnya bukan terdiri dari artis profesional tetapi para siswa dan siswi. Kedua, tidak berlandaskan improvisasi tetapi naskah lakon. Ketiga, *mind set* penonton dahulu dan sekarang jauh berbeza.

Paling ketara, gaya lakonan para siswa dan siswi ini tidak menetapi seratus peratus gaya lakonan bangsawan. Memang tidak dapat dinafikan para pelajar yang terlibat tidak pernah terlibat dengan bangsawan malah tidak pernah menonton bangsawan. Dalam jangka masa hampir-hampir dua bulan adalah sukar untuk menghasilkan gaya lakonan bangsawan yang *perfect*. Oleh kerana didorongkan oleh rasa tanggung jawab dan sifat dedikasi mereka berusaha bersungguh-sungguh dan akhirnya gaya lakonan mereka hampir-hampir menyamai gaya lakonan bangsawan. Kepompong gaya lakonan realistik begitu dominan hingga sukar bagi mereka untuk memisahkannya. Kekkerapan *mengestablish eye to eye contact* dengan teman lakon, pergerakan yang sedikit *reserved*, gerak isyarat yang kurang ramah dan stail pengucapan yang tidak bermelodi pada akhir ayat adalah contoh jelas yang menunjukkan mereka masih didalangi lakonan realistik. Sekiranya lebih masa diberikan saya yakin mereka mampu menerobosi kepompong itu. Watak Sultan, Perdana Menteri dan Puteri Bakawali berjaya mengekalkan lakonan dan pengucapan bangsawan. Norhelmi selaku Putera Raja, pada awal babak berjaya mengekalkan wataknya, tetapi di dalam babak-babak susulan, ada *tendency* beliau mulai hanyut dengan wataknya yang sebenar. Ciri-ciri kenorhelmian mula menguasainya.

Set dan hiasan latar yang ditangani oleh Shaparel adalah menarik dan secara visualnya mengkagumkan serta memenuhi ciri-ciri bangsawan. Komposisi muzik dan lagu yang diusahakan oleh Malek dan Che Mat menepati bangsawan. Irama yang tergubah mewar-war kepada penonton bahawa mereka terlebih dahulu membuat *homework* tentangnya. Zulkifli, selaku koreografer berusaha membuat sesuatu yang terbaik. Tetapi oleh kerana para penarinya bukan semuanya berbakat, itulah yang termampu dikoreograf oleh beliau.

Segmen *extra-turns* mampu mengekalkan mood penonton pada malam-malam persembahan. Pemilihan lagu menepati citarasa penonton dan bersesuaian dengan eranya. Sayangnya, kesemua acara *extra-turns* tertumpu kepada nyanyian. Akan lebih menarik kalau diselang-selikan dengan tarian atau jenaka.

Sebagai usaha sulung Pusat Pengajian Seni, Bakawali telah berjaya menambat dan memukau penonton. Usaha yang murni ini harus diteruskan hingga menjadi rutin untuk setiap sidang akademik. Sekiranya kesinambungan ini menjadi realiti, Pusat Pengajian Seni adalah pewarisnya kerana Pulau Pinang tempat pertama bertapaknya Bangsawan di Malaysia pada tahun 1870-an.

Terpentasnya *Bakawali* ini, sekurang-kurangnya dapat mengisikan ruang kesepian kegiatan pementasan teater bangsawan, mengembalikan nostalgia era 1920-an dan sebagai *tribute* kepada tokoh bangsawan negara, alahyarhamah Mak Minah.

Abdul Samat Salleh
Universiti Sains Malaysia



Sultan Tajul Arif masuk ke Balai Rong Sri



Pengembaraan Tajul Muluk mencari Bunga Bakawali